

# LAPORAN REKTOR



Dalam tahun 2005, umur Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) mencecah tiga tahun. Dalam jangka masa yang secara relatifnya pendek inilah KUKUM berupaya membina imej dan reputasinya yang positif, meskipun perjuangan merealisasikan semangat asas penubuhannya masih jauh daripada sempurna. Lantaran, usaha memperkemas dan memperkasakan jentera pentadbirannya dilaksana berterusan secara progresif dan inovatif.

Untuk menggerakkan jentera pentadbiran dan program akademiknya, sehingga Disember 2005, KUKUM mempunyai 383 orang kakitangan. Daripada jumlah itu, 3 orang terdiri daripada kakitangan Pengurusan Tertinggi, 174 orang (45.4%) kakitangan akademik, 65 orang (17.0%) kakitangan pengurusan dan profesional bukan akademik dan 141 orang (36.8%) kakitangan sokongan.

Untuk memperluas sistem penyampaian perkhidmatannya, dalam tahun 2005 KUKUM mengambil pendekatan proaktif dengan menubuhkan Anjung KUKUM di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur untuk memudahkan hubungan pelbagai hala antara KUKUM dengan pihak luar. Anjung KUKUM merupakan pejabat perwakilan KUKUM yang pertama beroperasi di luar kampus induknya di negeri Perlis yang memainkan peranan sebagai pusat hubungan akademik, penyelidikan, pengantarabangsaan, kebudayaan, kesenian dan sebagainya, selain daripada berfungsi sebagai *business centre*. Di Anjung inilah kakitangan akademik dan pentadbiran mengadakan pelbagai pertemuan, bengkel, seminar dan aktiviti promosi untuk memperkenalkan KUKUM kepada pihak luar, khususnya pihak industri di luar wilayah utara Malaysia.

Selain itu, untuk mengasah dan memperkembang potensi insaniah kakitangan dan mahasiswanya, di samping melaksana perkhidmatan terasnya (akademik dan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan), KUKUM menubuhkan Unit Kebudayaan dan Rekreasi. Unit ini ditubuhkan untuk menawarkan subjek-subjek ko-kurikulum yang berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan kepada para mahasiswa di samping memberikan peluang kepada kakitangan mengasah bakat dan kemahiran dalam dunia seni.

Bagi menampung keperluan penginapan mahasiswa yang semakin bertambah, KUKUM membangunkan sebuah lagi kolej kediaman di Kuala Perlis. Kolej kediaman yang baru ini dapat menampung sebanyak 134 orang mahasiswa daripada keseluruhan 1,944 orang yang ditempatkan di lima kolej kediaman lain yang sedia ada.

Dalam usaha memperluas ruang lingkup perkhidmatan akademiknya, dalam tahun 2005 KUKUM menambahkan dua program akademik lagi dengan menawarkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekanikal) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Rekabentuk Produk). Dengan penambahan ini, kini KUKUM mempunyai dua belas program pengajian. Kesemua program yang ditawarkan menggunakan pendekatan intensif makmal untuk mempermantap keupayaan mahasiswa daripada segi akademik dan kemahiran kejuruteraan yang diperlukan industri dan dunia pekerjaan yang berkaitan.

Untuk sidang akademik 2005/2006, KUKUM menerima tambahan sebanyak 708 orang mahasiswa baru yang mengikuti dua belas program pengajian yang ditawarkan. Di samping itu, KUKUM turut menerima 22 orang calon ijazah tinggi yang menyambungkan pengajian di

peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Modal insan merupakan faktor penting dalam penciptaan kejayaan dalam sesebuah organisasi. KUKUM turut merancang perkembangan modal insannya dengan membuka peluang kepada kakitangannya menambahkan ilmu pengetahuan secara berstruktur ke peringkat yang lebih tinggi. Di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik, KUKUM menghantarkan 28 orang kakitangan akademik melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di universiti di dalam dan di luar negara. Di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik pula, empat orang kakitangan akademik telah dihantarkan ke universiti di dalam dan di luar negara untuk melanjutkan pengajian. Di samping itu, tenaga-tenaga akademik lainnya diberi pelbagai bentuk latihan melalui bengkel amali, kaedah penyelidikan, penulisan modul, penulisan ilmiah dan sebagainya secara konsisten oleh Unit Pengajaran dan Pembelajaran.

Menjelang akhir tahun 2005, sebagai akibat perkembangannya yang amat pesat, kekosongan jawatan Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi) diisi oleh Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, seorang daripada Dekan Pusat Pengajian 'peneroka'. Pelantikan beliau bertujuan melancarkan lagi usaha KUKUM merencana dasar dan strategi penyelidikan dalam kalangan kakitangan akademik sejajar dengan misi universiti iaitu institusi akademik dan penyelidikan bertaraf dunia.

Selaras dengan hasrat membangunkan aktiviti penyelidikan di KUKUM tujuh buah kluster penyelidikan diwujudkan. Bidang yang dimaksudkan ialah:

1. Microelectronic & Nanotechnology
2. Sustainable Engineering
3. Sensor Technology & Applications
4. Embedded Computing
5. Autonomous Systems & Machine Vision
6. Power Electronics and Electrical Machine Design
7. Acoustic Applications

Kluster-kluster ini diletakkan di bawah penyelarasan Unit Pengurusan Kluster Penyelidikan. Majlis Pelancaran penubuhan kluster ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B Dato' Dr. Hj. Shafie Hj. Mohd Salleh pada 24 Mac 2006.

Berkat kesungguhan kakitangan akademiknya, KUKUM turut menempa kejayaan yang membanggakan dalam bidang penyelidikan. Dalam Pameran ITEX 2005 KUKUM berjaya meraih sebutir pingat

emas, empat butir perak, dan dua butir pingat gangsa. Manakala dalam Pameran R&D IPTA usaha para penyelidiknya berjaya meraih sebutir pingat emas, empat butir pingat perak dan lapan butir pingat gangsa. Kejayaan ini menjadi mangkin kepada universiti ini untuk menyertai pertandingan-pertandingan hasil penyelidikan yang lebih banyak dan berprestij tinggi, khususnya di peringkat antarabangsa.


Bertepatan dengan hasrat mempelbagaikan penawaran subjek bidang ko-kurikulum kepada mahasiswa, penubuhan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) diluluskan. PALAPES KUKUM merupakan PALAPES pertama yang ditubuhkan di Kolej Universiti Teknikal di negara ini. Dengan tertubuhnya badan beruniform ini diharapkan dapat melahirkan siswazah yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah berupaya menjana golongan cendekia yang bersemangat patriotik yang kental, berdisiplin diri yang tinggi, berdaya kepemimpinan yang karismatik dan berdaya juang yang tinggi. Pelancaran pasukan PALAPES ini diadakan serentak dengan pelancaran Persatuan Bulan Sabit Merah Cabang KUKUM (PBSMM) dan Pasukan Bertindak Kecemasan (PBK) pada 3 Mac 2005. Pelancaran ketiga-tiga pasukan ini disempurnakan oleh DYMM Canselor KUKUM, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Hubungan kerjasama dengan universiti luar negara terus dipergiatkan. Untuk tahun 2005, KUKUM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan tiga buah universiti luar negara iaitu Universitas Sumatera Indonesia, Coventry University Higher Education Corporation dan Tempere University of Technology, Finland. Jalinan kerjasama dengan Tempere University of Technology menyaksikan tiga orang mahasiswa KUKUM telah dihantarkan mengikuti pengajian di universiti berkenaan di bawah program pertukaran pelajar untuk tiga bulan.

Sejajar dengan pertambahan pelajar, program penempatan pelajar di industri dalam konteks Latihan Industri (InTra) memerlukan pertambahan bilangan organisasi yang menawarkan tempat. Sebagai hasil usaha Pusat Kerjasama Industri (CIC), 51 buah organisasi bersetuju menerima mahasiswa KUKUM untuk diberi pendedahan dan latihan industri yang berkaitan. Kerjasama ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa KUKUM berupaya mewujudkan hubungan yang baik dan harmoni dengan pihak industri dalam usaha melahirkan siswazah yang kompeten apabila mereka menempuh alam pekerjaan kelak. Selain itu, dalam tahun 2005, KUKUM berjaya menandatangani sembilan Memorandum Persefahaman dengan pihak industri yang meletakkan atas kerjasama dalam pelbagai bidang yang berkaitan.

KUKUM tidak ketinggalan dalam arus kemajuan teknologi maklumat. Selain sistem kewangan dan perpustakaan digital yang dibangunkan, sistem k-kedatangan diwujudkan untuk mengganti sistem kad berakam waktu. Melalui sistem ini, setiap kehadiran dan pergerakan kakitangan dan mahasiswa dapat dipantau menerusi portal KUKUM. Untuk kemudahan mahasiswa, sistem e-learning dibangunkan. Berasaskan sistem pembelajaran ini setiap subjek atau maklumat yang berkaitan dengan pengajian dapat dimuat turun daripada portal KUKUM.

Sesungguhnya KUKUM masih muda. Namun, kemudaannya tidak menghalang kakitangannya meletakkannya sama tinggi dengan institusi-institusi akademik lain yang lebih panjang usia dan sejarahnya. Justeru, berbekalkan tenaga dan upaya semua warganya yang berkhidmat berteraskan ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan, KUKUM akan terus dikemudi sehingga mencapai visinya iaitu institusi akademik dan penyelidikan bertaraf dunia yang menjana pemimpin terbilang negara.

  
**Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin**  
**Rektor**

